

ISU-ISU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN QIRAAT: SUATU SOROTAN

ISSUES IN THE TEACHING AND LEARNING OF QIRAAT : A REVIEW

Khadijah Abdullah¹
Muhammad Yusri Yusof @ Salleh^{2*}
Ahmad Rozaini Ali Hasan³

¹Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (e-mail: kha941023@gmail.com)

² Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (corresponding author, e-mail: yusri613@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (email: ahmad@uitm.edu.my).

*corresponding author

Article history

Received date : 9-1-2025
Revised date : 10-1-2025
Accepted date : 15-2-2025
Published date : 20-3-2025

To cite this document:

Abdullah, K., Yusof @ Salleh, M. Y., & Ali Hasan, A. R. (2025). Isu-isu pengajaran dan pembelajaran Qiraat: Suatu sorotan. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*,10 (71), 160-174.

Abstrak: Pembelajaran Qiraat di Malaysia bukan suatu yang asing lagi di zaman ini. Ilmu Qiraat telah berkembang luas melalui usaha pelbagai pihak membuka peluang kepada masyarakat mempelajari salah satu cabang dari ilmu al-Quran. Namun sudah pasti setiap pendidikan mempunyai cabaran tersendiri dalam mengaplikasikan pendekatan yang ada. Di abad ke-21, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat sangat signifikan bagi mewujudkan peningkatan dan kemajuan yang selari dengan pendidikan kini. Maka pembentukan corak pendidikan yang ideal adalah cabaran seorang pendidik dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran bersifat dinamik dan berkesan terhadap pelajar. Dalam mengenal pasti permasalahan, isu berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat perlu diteliti dan dikaji dengan lebih mendalam. Artikel ini cuba mengenal pasti permasalahan pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat di Malaysia menerusi kajian kepustakaan berdasarkan kepada dokumentasi sorotan kajian-kajian lepas. Kajian ini mendapati guru sebagai agen utama yang memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat. Faktor yang lain seperti minat dan kefahaman pelajar juga berpusat dari amalan guru menerusi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Implikasinya, penambahbaikan dalam sistem pendidikan yang senantiasanya berevolusi dapat dicapai. Kerjasama guru, pelajar, ibu bapa dan masyarakat diperlukan dalam meningkatkan kecemerlangan ilmu Qiraat.

Kata kunci: Pengajaran dan pembelajaran, qiraat dan isu.

Abstract: The study of Qiraat in Malaysia is no longer unfamiliar in this era. The knowledge of Qiraat has expanded widely through the efforts of various parties, opening opportunities for the community to learn one of the branches of Quranic studies. However, every form of education certainly has its own challenges in applying the available approaches. In the 21st century, the implementation of Qiraat teaching and learning is highly significant for fostering progress and

advancement that aligns with modern education. Therefore, the formation of an ideal educational model is a challenge for educators in ensuring that teaching and learning are dynamic and effective for students. In identifying the issues, matters related to the teaching and learning of Qiraat need to be examined and studied more thoroughly. This article seeks to identify the challenges in Qiraat teaching and learning in Malaysia through a literature review based on the documentation of previous studies. Early observations of this study show that teachers, as the main agents, play a crucial role in the teaching and learning of Qiraat. Other factors, such as students' interest and understanding, also stem from the practices of teachers through the teaching and learning processes implemented. Consequently, improvements in the education system that are continually evolving can be achieved. Collaboration between teachers, students, parents, and the community is needed to enhance the excellence of Qiraat knowledge.

Keywords: *Teaching and learning, qiraat, & issues.*

Pengenalan

Pengajian Qiraat telah lama bertapak di Malaysia berdasarkan kepada pembelajaran bacaan al-Quran mengikut riwayat *Hafs 'an Asim* salah satu dari bacaan Qiraat Sab'ah. Dikatakan kemunculan ilmu Qiraat berlaku di awal tahun 70-an (Rahim, 2019). Terdapat kajian yang menyatakan kewujudan penguasaan ilmu Qiraat pada abad ke-19 di kalangan ulama Tanah Melayu dibuktikan menerusi penemuan manuskrip lama penulisan mushaf Qiraat Imam Qalun (Zul Ikhwan et.al, 2023). Pembelajaran Qiraat seharusnya diberi keutamaan yang sewajarnya bagi mengangkat sebaris dengan ilmu-ilmu yang lain. Dalam meniti arus gelombang abad ke-21, pendidikan dunia telah mengalami perubahan pesat dan meluas dari pelbagai aspek. Maka kecenderungan guru yang bersifat fleksibel, inovasi dan relevan sangat diperlukan dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Faridah (2022) menyatakan transformasi sistem pendidikan menjadikan kerjaya guru berterusan dalam pembelajaran dari sudut penambahbaikan kemahiran pedagogi, pemikiran kreatif, kritikal dan inovasi. Guru yang dinamik akan bersiap siaga menanggapi apa jua cabaran menjadi peluang pembelajaran dalam konteks pendidikan.

Pengajaran dan pembelajaran memiliki konsep dan maksud yang tersendiri. Kamarul (2015) membahagikan kepada dua konsep. Menurutnya pengajaran sebagai ta'lim dengan mengertikan sebagai saluran maklumat dan pengetahuan guru kepada pelajar. Terma yang kedua pembelajaran bermaksud bagaimana pelajar mengendalikan sifat, kemahiran dan pengetahuan yang diterima dapat memberikan manfaat kepada diri. Pengertian pengajaran dan pembelajaran menurutnya lagi sebagai proses menerapkan ilmu dan kemahiran dan kesan dari kaedah tersebut akan mewujudkan interaksi antara pendidik dan pelajar. Sani (2021) menjelaskan konsep pengajaran merupakan aktiviti antara guru dan murid dalam mempelajari ilmu. Pengajaran ini akan disusun secara sistematik dengan teknik-teknik yang ideal dalam membentuk pengajaran yang kondusif. Selain itu, pengajaran boleh berevolusi dan berterusan dalam menambah baik berdasarkan kepada inovasi kajian, perkembangan ilmu dan peningkatan kemahiran serta meneladani amalan profesional keguruan yang berkaitan. Pembelajaran pula distilahkan sebagai proses interaksi antara guru dan murid di mana proses mendapatkan ilmu berlaku menerusi komunikasi. Pengetahuan, kemahiran, pembinaan keperibadian dan kepercayaan kepada murid berkembang menerusi proses tersebut. Tuntasnya, pengertian pengajaran dan pembelajaran secara umum merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

Tambahan lagi, pembelajaran di abad ke-21 turut mengubah pedagogi pengajaran dan pembelajaran (pdp) kepada pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). PdPc adalah proses yang berlaku di sekolah dalam melaksanakan pengajaran guru terhadap murid (Julian et.al, 2020). KPM menggubal Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010 dikenali sebagai SKPM Gelombang 2 (SKPMg2) dalam meningkatkan dan menambah baik sistem pendidikan dari sudut kepimpinan, pengurusan kurikulum, kokurikulum, organisasi dan termasuk perihal hal ehwal pelajar, pembelajaran dan pemudahcara dan kemenjadian murid (Ismail et.al, 2022). Pembaharuan yang ingin dibawa KPM dari metodologi lama kepada pendekatan baru merobah sistem yang hanya tertumpu kepada subjek atau guru kini berpusatkan kepada pelajar selari dengan era teknologi maklumat dan komunikasi (Rosnani et.al, 2022). Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di abad ke-21 sangat bergantung kepada guru. Kamarul et.al (2007) menyatakan pengajaran dan pembelajaran dalam konteks berkesan dan menarik sukar untuk dibahaskan secara tepat. Kedua-duanya bersifat relatif dan berbeza bergantung kepada keadaan dan persepsi seseorang. Ringkasnya, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sudah tentu bergantung kepada kebolehan, kemahiran dan kemampuan guru itu sendiri dalam menarik minat pelajar terhadap ilmu yang dipelajari. Perubahan sistem pendidikan tiada noktahnya dan akan berterusan mencorakkan dan mewarnai pendidikan negara.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif sebagai pendekatan kajian. Metode kajian melibatkan analisis teks yang bersumberkan kepada artikel penyelidikan atau jurnal yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat di pelbagai institusi di Malaysia. Penulisan kajian ini adalah mengenal pasti isu-isu pengajaran dan pembelajaran yang diutarakan oleh pengkaji terdahulu . Analisis teks digunakan sebagai teknik pengumpulan data dengan mengambil sampel yang relevan dan sesuai dari aspek isu pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat. Mengenal pasti permasalahan dan isu adalah menerusi pendekatan analisis data iaitu teknik analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian. Analisis kandungan turut melibatkan artikel sorotan kajian lepas dalam menonjolkan isu penting dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat yang menjadi kayu ukur kepada sistem pendidikan ilmu Qiraat di Malaysia.

Dapatan Kajian

Pelbagai permasalahan berkaitan pendidikan ilmu Qiraat di kalangan pelajar dan guru yang diutarakan menerusi dapatan kajian lepas. Penguasaan sesuatu disiplin ilmu akan berdepan dengan pelbagai cabaran termasuklah dalam mempelajari ilmu Qiraat yang memiliki cabang yang sangat luas (Zaid et al. 2020). Keutamaan dan kepentingan ilmu Qiraat yang berpaksikan kepada pendidikan Islam wajar diberi keutamaan dalam usaha menyedarkan masyarakat di Malaysia. Bagi meningkatkan kualiti pendidikan Qiraat adalah penting untuk menilai, mengenal pasti permasalahan dan melihat kembali punca yang berlaku berdasarkan pengalaman guru sebelum ini. Merujuk kepada langkah ini, Rosly et al. (2023) menyatakan sifat reflektif terdapat pada guru yang afektif. Guru reflektif cenderung memberi tindak balas terhadap perubahan emosi dan keperluan pendidikan didikannya. Guru reflektif juga sentiasa memantau tindakan, meneliti objektif yang ingin dicapai dan mengimbas kembali matlamat pengajaran, pendekatan dan bahan pengajaran. Berdasarkan konsep reflektif dan tujuan utamanya, isu-isu yang diketengahkan dalam kajian lepas dapat membantu guru serta ahli akademik menilai dan menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran Qiraat. Teknik pengajaran yang berkesan menjadi elemen utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan objektif yang ditetapkan dalam sesuatu subjek tercapai (Junaid, 2018). Masalah pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja melibatkan pendekatan pengajaran guru yang kurang efektif bahkan faktor seperti tahap motivasi pelajar yang rendah, kurang pengetahuan guru, sumber rujukan yang kurang, kurang

pengetahuan dalam bahasa arab dan kurang sokongan masyarakat merupakan antara isu yang perlu diperhatikan. Pengaruh individual dan sosial sangat berperanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Nani et al. (2022) berdasarkan teori Vygotsky menyatakan perkembangan kanak-kanak meningkat menerusi interaksi sosial dengan mereka yang arif dan berpengalaman. Oleh kerana itu guru di sekolah sebagai tunjang utama pelajar dalam pembelajaran. Guru diibaratkan sebagai nahkoda yang bertanggungjawab mengemudi kapalnya dengan penuh kebijaksanaan, berhikmah dan memberikan panduan yang jelas dan tepat kepada anak kapal. Ini bagi memastikan pelayaran tersebut selamat tanpa menghadapi sebarang kesulitan di tengah lautan yang bergelora.

Kajian Zaid et al. (2020) dalam tajuk Sejarah Pembelajaran Ilmu Qiraat Di Darul Quran: Satu Pemerhatian menunjukkan cabaran yang dihadapi pelajar seperti kesukaran menguasai matan Qiraat, nama imam, perawi serta *rumuz*, istilah yang jarang digunakan dan memerlukan metode yang sesuai dengan pelajar dalam menguasai bacaan Qiraat secara praktikal. Kajian ini turut menyatakan bahawa kekurangan minat sering berlaku dalam diri pelajar kerana mereka merasakan ilmu Qiraat tidak penting berbanding dengan ilmu fiqh atau tauhid. Oleh kerana itu, peranan guru, metode dan kerjasama bersama guru dan murid diperlukan dalam menguasai ilmu Qiraat. Kajian Zainora dan Lukman (2019) dalam tajuk Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM menunjukkan pelajar mempunyai persepsi positif dan minat terhadap ilmu Qiraat namun dari sudut kaedah pengajaran dan pembelajaran serta kekurangan sumber rujukan Qiraat perlu ditambahbaik. Kajian seterusnya Junaidi (2018) Faktor Penguasaan *Qira'at Al-Sab'ie* Dalam Kalangan Pelajar Kelas Khas Membaca Dan Menghafal Al-Quran (KKQ) Di Negeri Perak menyatakan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Qiraat di tahap sederhana rendah manakala tahap pengetahuan pelajar berkaitan dengan minat, sikap, amalan pengajaran guru dan pengetahuan Qiraat di tahap sederhana tinggi. kurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan yang menempatkan KKQ pula di tahap yang tinggi. Berdasarkan kajian Zainora (2010) yang dinyatakan oleh Junaidi (2018) bahawa pelajar masih lemah dalam menguasai kandungan kurikulum Qiraat. Kajian Junaidi (2018) turut menyatakan bahawa bukan hanya minat, sikap, amalan, pengetahuan pelajar dan pengajaran guru dapat menghasilkan peningkatan penguasaan pelajar namun faktor yang melibatkan sendiri pelajar, strategi pembelajaran, teknik latihan dan ulangan, kecerdasan serta lain-lain lagi turut membantu dalam menjadikan pelajar berjaya menguasai ilmu Qiraat. Kurikulum yang disusun juga perlu diteliti agar sesuai dan relevan dengan pelajar. Jelasnya di sini, sokongan pihak sekolah, guru, dan ibu bapa diperlukan dalam membantu perkembangan pelajar dalam mempelajari ilmu Qiraat.

Kajian Junaidi dan Nasir (2016) dalam tajuk Hubungan Motivasi Dengan Tahap Penguasaan *Qira'at Al-Sab'ie* Dalam Kalangan Pelajar Kelas Kemahiran Al-Qur'an (KKQ) Di Negeri Perak menjelaskan bahawa pelajar yang bermotivasi mempelajari Qiraat boleh memberi kesan baik kepada penguasaan ilmu Qiraat. Walaupun begitu, kajian ini melihat pelajar masih lemah dalam penguasaan Qiraat. Oleh kerana itu, Junaidi et al. (2016) menekankan penilaian dari pelbagai faktor seperti melihat kembali kepada beberapa faktor lain seperti sendiri pelajar, kecerdasan, dan terutamanya berkaitan dengan pelaksanaan teknik pengajaran dan pembelajaran, yang dapat membantu pelajar menguasai ilmu Qiraat. Seterusnya, Azri et al. (2020) yang bertajuk Pengaruh Faktor Minat, Motivasi, Persekitaran Sekolah, Kaedah Pembelajaran Pelajar Dan Strategi Pengajaran Guru Terhadap Tahap Literasi Pelajar Dalam Bidang Qiraat menyatakan pelajar Sabah yang mempelajari ilmu Qiraat mempunyai minat terhadap ilmu Qiraat namun Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan kebanyakan guru masih lama dan belum dipertingkatkan. Kajian ini juga menyatakan pelajar lebih gemar menggunakan kaedah rujuk kepada guru dari kaedah-kaedah lain. Justeru itu, teknik yang digunakan guru dalam pengajaran dan pembelajaran

memerlukan penambahbaikan untuk meningkatkan literasi pelajar yang mendalami ilmu Qiraat. Kajian Zainora et al. (2019) dalam tajuk Pengajian Qiraat Di Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Usim: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Qiraat menyatakan pengajaran dan pembelajaran perlu penambahbaikan dalam meningkatkan lagi kefahaman pelajar ke tingkat yang lebih tinggi berdasarkan kepada analisis tahap kefahaman pelajar yang sederhana tinggi. Kajian ini juga menyatakan peranan pensyarah dalam menyampaikan ilmu Qiraat menjadi punca utama pelajar lebih berminat dan memahami ilmu Qiraat yang dipelajari.

Selain itu, kajian oleh Izhar et al. (2021) Tahap Penguasaan Ilmu Qiraat di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, Pahang menjelaskan pelajar masih kurang dalam menguasai teori ilmu Qiraat berbanding dengan praktikal bacaan Qiraat. Dalam pada itu, masa yang terhad merupakan cabaran pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dalam menguasai ilmu tersebut. Kajian ini memberi beberapa cadangan yang dapat membantu pelajar TMUA meningkatkan lagi tahap penguasaan ilmu Qiraat seperti menanam minat dan cinta ilmu Qiraat, memantapkan ilmu bahasa arab, menghafaz istilah ilmu Qiraat dan bijak mengurus masa. Kerjasama pihak sekolah dan guru terutamanya bagi memastikan pelajar mempunyai masa yang berkualiti dan dapat menguasai ilmu Qiraat ke tahap yang lebih tinggi. Kajian Mujahideen et al. (2021) dalam tajuk Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengajian Ilmu Qiraat: Satu Kajian Di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) menyatakan tahap penguasaan ilmu Qiraat di KIAS ditahap sederhana dan memerlukan penambahbaikan dari sudut pengajaran dan pembelajaran. Penguasaan pelajar perlu dipertingkatkan menerusi teori dan amali bukan hanya mendengar syarahan pensyarah sahaja. Pembelajaran secara amali penting dalam Qiraat dan perlu seiring dengan pembelajaran teori. Jelasnya di sini, teknik pengajaran dan pembelajaran perlu dipertingkatkan dalam membantu pelajar menguasai ilmu Qiraat secara teori dan praktikal. Kajian Syafee et al. (2024) Keperluan Model Pengajaran Ilmu Tawjih Al-Qiraat Di Institusi Pengajian Qiraat Malaysia: Satu Sorotan Awal menghuraikan bahawa keperluan membina model pengajaran ilmu taujih al-Qiraat dalam membantu pelajar menguasai ilmu taujih dengan lebih berkesan dan tersusun. Dasarnya, kelemahan pelajar dalam menguasai ilmu taujih al-Qiraat adalah disebabkan kelemahan pelajar dalam bahasa arab dan kelemahan guru itu sendiri dalam menyampaikan ilmu tersebut merupakan antara isu yang dinyatakan dalam kajian ini. Berdasarkan kepada kajian ini kelemahan guru berlaku kerana kerangka atau model pengajaran ilmu tawjih al-Qiraat di IPT belum dirangka. Kepentingan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tersusun sangat penting dalam meningkatkan kefahaman pelajar.

Kajian Zainora et.al (2019) yang bertajuk Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Qiraat memperincikan bahawa minat dan kesedaran pelajar terhadap kepentingan ilmu Qiraat di tahap yang baik namun dari sudut bahan bantu mengajar yang kreatif serta selari dengan perkembangan moden di abad ke-21 dan sumber rujukan perlu dipertingkatkan. Seterusnya kajian Hilmi et.al (2011) Pemahaman Guru Tentang Asas Konsep Ilmu Qiraat, Qiraat Imam 'Asim dan Qiraat Imam Hamzah menerangkan bahawa guru KKQ menguasai ilmu Qiraat dengan baik namun perlu memantapkan lagi kefahaman mereka dalam ilmu Qiraat. Responden guru Qiraat yang dipilih dalam kajian ini juga bukan pengkhususan dalam bidang Qiraat namun mereka berminat dengan ilmu Qiraat. Kajian seterusnya pula oleh Aini et al. (2023) yang bertajuk Kemahiran Ilmu Qiraat Berdasarkan Pengajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Kelas Kemahiran Al-Quran menyatakan sebahagian guru KKQ masih kurang mahir dalam merancang pengajaran, melaksanakan proses pengajaran, pelaksanaan kaedah pengajaran dan kemahiran refleksi. Guru KKQ perlu mempertingkatkan lagi kemahiran mereka dalam mata pelajaran ilmu Qiraat agar dapat membantu pelajar berjaya menguasai ilmu Qiraat. Kajian Hakim et al. (2024) Mastery Level of Qiraat Study at Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah International Islamic

University (UniSHAMS) menjelaskan pelajar berada pada tahap yang baik dalam penguasaan ilmu Qiraat namun ada sebahagian kecil masih lemah dalam memahami ilmu Qiraat. Kajian ini juga menyatakan bahawa salah dalam bacaan akan menjejaskan bacaan serta maksud bacaan Qiraat jika pelajar tidak menguasai ilmu Qiraat dengan sebaiknya. Sikap pelajar yang hanya mendengar teori ilmu Qiraat dari tenaga pengajar juga perlu diubah kerana ilmu Qiraat perlu sejajar dengan teori dan praktikal. Maka pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat perlu ditambah baik oleh pendidik dalam menangani isu-isu ini.

Selanjutnya kajian Hayati et.al (2022) dalam tajuk *Students' Perceptions toward The Usage of Technology As Medium For T & L of Qiraat During Covid-19: A Case Study on Undergraduate Students At Universiti Sains Islam Malaysia* memperincikan bahawa penggunaan teknologi sebagai medium pengajaran dan pembelajaran ketika covid-19 melanda dunia memiliki kebaikan dan juga keburukan. Antara kebaikannya pelajar dapat mempelajari ilmu Qiraat di mana sahaja. Pelajar boleh mengulangkaji kembali ilmu Qiraat tanpa mengira waktu dan masa. Walaubagaimanapun, masalah seperti capaian internet yang terhad serta pemahaman pelajar yang kurang boleh berlaku. Masalah seperti ini memerlukan peranan bersama terutamanya guru dalam membantu pelajar menguasai Qiraat dengan teknik yang sesuai yang dapat diterapkan dalam sesi pembelajaran secara maya. Kajian Zaid et al. (2022) bertajuk *Tahap Penguasaan Manhaj Qiraat Imam Warsh: Satu Kajian Di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor* membincangkan tahap pelajar menguasai ilmu Qiraat berdasarkan kepada manhaj Qiraat imam Warsh. Walaupun sebahagian pelajar mencapai tahap yang baik dalam penguasaan ilmu Qiraat namun ada sebahagian kecil masih memerlukan bimbingan. Penglibatan pendekatan talaqqi dan musyafahah dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan tempoh masa yang sesuai bersama guru perlu dititikberatkan. Kajian ini menyarankan berkenaan dengan isu pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di KUIS perlu disemak semula dalam meningkatkan dan menambah baik kefahaman dan penguasaan pelajar. Berikutnya kajian Sri Andayani et al. (2021) *Amalan Guru Dalam Pengajaran Subjek Maharat Al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz* menjelaskan guru berjaya mengaplikasikan kaedah yang sebaik mungkin dalam pengajaran dan pembelajaran namun ada sebahagian guru masih kurang menggunakan pendekatan internet yang sepatutnya diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kajian Sharifah Noorhidayah et.al (2023) *Cabaran Pelaksanaan Kelas Qiraat dalam Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) di Kelantan* memperincikan pelajar KKQ lemah dalam penguasaan ilmu qiraat disebabkan minat yang kurang, masa yang diperuntukkan terhad dan kekurangan alat bantu dalam pengajaran dan pembelajaran. Kekurangan yang berlaku menjadi halangan pelajar mencapai proses pembelajaran yang lebih baik dan sesuai. Hal ini memerlukan guru meningkatkan usaha kemahiran pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat termasuklah peranan semua pihak diperlukan dalam memperkembangkan lagi pendidikan Qiraat. Kajian Zainora et al. (2012) dalam tajuk *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pengajian Qiraat Di Jabatan Al-Quran Dan Al-Qiraat, Kuis: Satu Tinjauan Awal* mendapati pelajar masih di tahap sederhana dalam penguasaan Qiraat. Mereka kurang mahir dan keliru berkenaan dengan *usul* serta *farsy* huruf Qiraat. Dalam masa yang sama, penggunaan alat bantu mengajar yang lebih moden serta mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran oleh tenaga pengajar seharusnya diberi perhatian dalam menarik minat pelajar. Peranan guru sangat penting dalam memberikan kesedaran akan kepentingan ilmu Qiraat supaya pelajar terus komited dan bersungguh dalam mendalami dan mengulangkaji ilmu tersebut. Berikut kajian Faizulamri et al. (2021) *Keperluan Penilaian Pelaksanaan Mata Pelajaran Maharat Al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab* menjelaskan kemudahan menerusi prasarana dan alat bantu mengajar guru dalam pengajaran dan pemudahcara sangat membantu mempelbagaikan teknik

untuk meningkatkan pemahaman dan minat pelajar mempelajari ilmu Qiraat. Walaupun begitu terdapat isu seperti kelas maharat berkongsi dua kumpulan yang berlainan dalam satu kelas. Perkara ini akan menyebabkan guru kurang selesa ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Kajian Rashidah et al. (2021) Persepsi Peserta Kuliyyah Al-Furqan Kolej Al-Quran Terengganu Terhadap Ilmu Qiraat menyatakan informan mempunyai minat yang mendalam dalam mempelajari ilmu Qiraat tetapi penguasaan ilmu Qiraat dalam mempraktikkan bacaan Qiraat masih lemah dan mereka kurang yakin. Pelajar memerlukan latihan dan bimbingan bagi meningkatkan lagi bacaan Qiraat serta penekanan kepada pemahaman teori ilmu Qiraat agar pelajar yang terlibat lebih yakin dalam mengamalkan ilmu Qiraat. Seterusnya dalam kajian Mujahideen et al. (2021) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengajian Ilmu Qiraat: Satu Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat MAIK menerangkan bahawa penguasaan pelajar Qiraat berdasarkan penguasaan teori dan amali berada di tahap yang sederhana. Kenyataan ini seharusnya memerlukan penambahbaikan dan peningkatan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran supaya tahap penguasaan pelajar Qiraat semakin bertambah baik dari semasa ke semasa. Rumusan keseluruhan kajian yang diutarakan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat diatas disimpulkan berdasarkan kepada jadual 1.0 dibawah. Dapatan kajian berdasarkan rumusan seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1: Rumusan Isu-Isu Pengajaran Dan Pembelajaran Qiraat

Nama Pengarang, Tahun	Masalah
Zaid et al., 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Sukar menguasai matan, nama imam, perawi dan rumuz. • Perlu menguasai istilah yang ada dalam Qiraat. • Bacaan Qiraat secara praktikal memerlukan kaedah yang sesuai dengan pelajar. • Pelajar kurang minat. <p>“Turut diakui bahawa pembelajaran untuk menguasai matan ini sukar dan memerlukan waktu yang lama sedangkan tempoh pembelajaran adalah singkat.”</p> <p>“Kebanyakan nama tersebut adalah nama-nama yang jarang diguna oleh masyarakat Melayu sekaligus memberi cabaran dalam menghafalnya.”</p> <p>“istilah-istilah tersebut seharusnya dihafal dan dikuasai untuk membantu membezakan khilaf di dalam ilmu Qiraat.”</p> <p>“penggunaan yang tepat bagi kaedah bacaan tarqiq ra’, tashil, naqal, ikhtilas dan sebagainya memerlukan metod talaqqi bersama guru untuk menguasainya.”</p> <p>“kewujudan pemikiran bahawa ilmu Qiraat tidak berkait dengan kehidupan seharian seperti ilmu Fiqh dan Tauhid.”</p>
Zainora & Lukman, 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber rujukan kurang. • Bahan bantu mengajar kurang menarik dan berkesan.

	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu Penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) ilmu Qiraat. <p>“Kekurangan bahan-bahan rujukan menjadi salah satu punca para pelajar tidak mampu menguasai Qiraat.” “perlu penambahbaikan dari aspek bahan-bahan bantu mengajar yang lebih menarik dan efektif selari dengan perkembangan multimedia terkini agar mampu memartabatkan pendidikan qiraat di peringkat lebih tinggi.” “penambahbaikan perlu dipertingkatkan dari aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran Qiraat dan sumber-sumber rujukan Qiraat.</p>
Junaidi, 2018	<ul style="list-style-type: none"> • Penguasaan pelajar dalam ilmu Qiraat lemah. • Kurikulum perlu sesuai dengan tahap pelajar. • Peningkatan dan penguasaan Qiraat memerlukan guru dan pelajar bekerjasama. <p>“Kurikulum Qirā’āt al-Sab‘ie berada pada tahap yang tinggi berbanding dengan tahap penguasaannya. Ini bertepatan dengan kajian Zainora (2010) yang menunjukkan bahawa pelajar masih kurang mampu menguasai kandungan kurikulum Qirā’āt al- 218 Sab‘ie yang tinggi. Keadaan ini perlu diatasi dengan sedikit rombakan kurikulum yang mesra kepada pelajar KKQ.”</p> <p>“motivasi, minat, sikap, amalan pengajaran guru dan pengetahuan Qirā’āt al-Sab‘ie sememangnya boleh mempengaruhi tahap penguasaan pelajar, tetapi ianya bukanlah faktor utama yang boleh mempengaruhi prestasi seseorang. Faktor lain yang boleh wujud mempengaruhi tahap penguasaan pelajar adalah kecerdasan, teknik ulangan dan latihan, konsep sendiri, strategi belajar dan sebagainya.</p>
Junaidi & Nasir, 2016	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar minat namun tidak cukup dalam memantapkan penguasaan Qiraat. <p>“pelajar KKQ sebenarnya bermotivasi untuk menguasai qira’at al-Sab’e namun begitu ia tidak cukup untuk membantu pelajar menguasai kemahiran tersebut.” “Faktor lain yang boleh mempengaruhi kebolehan pelajar seperti faktor kecerdasan, konsep sendiri, strategi pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya perlu dititikberatkan bagi membantu pelajar menguasai kemahiran Qirā’āt al-Sab‘ie</p>
Azri Kifli et al., 2020	<ul style="list-style-type: none"> • BBM masih tradisional • Perlu penambahbaikan dan mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran

	<p>“kajian juga mendapati bahawa 51.2% pelajar bersetuju guru menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang terkini semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan merupakan antara item yang mempunyai skor min paling rendah.”</p> <p>“para pelajar memerlukan pendekatan atau kaedah pembelajaran yang sesuai untuk meningkatkan tahap literasi qiraat mereka.”</p> <p>“Guru KKQ harus mengenal pasti kaedah pembelajaran pelajar mereka untuk memperoleh keberkesanan pembelajaran pelajar secara optimum.”</p>
Zainora et al., 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Penguasaan al-Quran dan ilmu Tajwid lebih baik berbanding dengan ilmu Qiraat. • Kefahaman pelajar masih di tahap sederhana tinggi. <p>“faktor pengalaman sebelum mereka memasuki fakulti kerana sebahagian besar mereka tiada pendedahan kelas khusus melainkan pernah mendengar bacaan qiraat selain riwayat Hafs ‘an Ashim.”</p> <p>“kefahaman para pelajar berada di tahap sederhana tinggi dan memerlukan penambahbaikan dari aspek pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>“masih memerlukan usaha penambahbaikan secara berterusan supaya dapat dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih tinggi.</p>
Izhar et al., 2021	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar lemah dalam menguasai teori ilmu Qiraat • Masa yang terhad <p>“pelajar-pelajar kurang menguasai bahagian teori ilmu Qiraat berbanding praktikal ilmu Qiraat.”</p> <p>“Aktiviti yang padat dan tempoh masa yang terhad merupakan antara cabaran yang perlu dilalui oleh pelajar-pelajar TMUA.”</p>
Ahmad Mujahideen et al., 2021	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap penguasaan pelajar Qiraat sederhana. • Sebahagian pelajar hanya mempelajari teori ilmu Qiraat. • Kaedah Pengajaran dan pembelajaran perlu ditambahbaik. <p>“pengajaran dan pembelajaran secara teori dan amali seharusnya ditambahbaik dan ditingkatkan agar penguasaan pengajaran ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik.</p>

	<p>“ada juga pelajar hanya cukup sekadar mendengar dan memahami apa yang disampaikan oleh pengajar sahaja secara teori sedangkan proses pengajian ilmu Qiraat hendaklah berjalan secara seiring antara teori dan amali.</p>
Muhammad Syafee et al, 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar lemah dalam bahasa Arab. • Kelemahan guru menyampaikan ilmu taujih Qiraat. • Tiada kerangka pengajaran tawjih al-Qiraat di IPT. <p>“penguasaan pelajar terhadap ilmu tawjih al-qiraat adalah berada pada tahap sederhana dan peringkat permulaan. Tahap kefahaman sederhana ini berpunca daripada faktor kelemahan bahasa Arab pelajar dan faktor kelemahan penyampaian tenaga pengajar semasa proses pengajaran.”</p> <p>“Melalui garis panduan pengajaran yang tersusun dan teratur, tenaga pengajar mampu melakukan persediaan sebelum pengajaran, merancang kaedah dan teknik semasa proses pelaksanaan pengajaran serta melakukan penilaian selepas proses pengajaran.”</p>
Zainora et al., 2019	<ul style="list-style-type: none"> • BBM kurang kreatif dan masih tradisional. • Kurang sumber rujukan. <p>“responden mempunyai persepsi yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran qiraat dari aspek tahap kemandirian pelajar merangkumi kepentingan, keperluan dan minat mempelajari qiraat. Namun penambahbaikan perlu dipertingkatkan dari aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran qiraat dan sumber-sumber rujukan qiraat.”</p> <p>“penambahbaikan dari aspek bahan-bahan bantu mengajar yang lebih menarik dan efektif selari dengan perkembangan multimedia terkini.”</p>
Hilmi et al., 2011	<ul style="list-style-type: none"> • Kefahaman guru KKQ terhadap ilmu Qiraat masih kurang. <p>“Menyentuh tentang pengetahuan sedia ada kedua-dua responden terhadap ilmu Qiraat, mereka mengakui mempunyai pengetahuan pada tahap sederhana. Berdasarkan dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa ada beberapa konsep yang perlu dimantapkan.”</p>
Aini et al., 2023	<ul style="list-style-type: none"> • Guru KKQ kurang mahir dalam teknik pengajaran.

	<p>“guru KKQ harus mempertingkatkan ilmu kemahiran berkaitan pengajaran abad ke-21 dalam bidang Ilmu Qiraat.”</p> <p>“guru KKQ perlulah memainkan peranan dalam memastikan aspek kemahiran dalam PdPc mereka sentiasa relevan dan terkini sesuai mengikut peredaran semasa bagi memastikan bidang pendidikan di negara kita berada pada tahap yang tertinggi.”</p> <p>“guru KKQ khususnya harus bersikap proaktif dengan berusaha menambah ilmu kemahiran berkenaan bidang yang diajar melalui kursus-kursus, forum ilmu dan juga melalui pembacaan ilmiah.”</p>
Hakim et al., 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar hanya belajar teori ilmu Qiraat sahaja. <p>“some students only need to listen and understand what is delivered by the lecturer in theory, while the process of studying the science of Qiraat should go hand in hand between theory and practice.</p>
Hayati et al., 2022	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah capaian internet yang terbatas. • Guru tidak boleh mengawasi pelajar ketika belajar. • Pelajar kurang faham ketika sesi pembelajaran atas talian. <p>“The most important factors that faced by students is internet problems and limited to understand the subject because of there is no interactions between students in online class.”</p> <p>“the challenges in implementing lesson revision and lecturers could not monitor students.”</p>
Zaid et al., 2022	<ul style="list-style-type: none"> • Penguasaan manhaj Qiraat Imam Warsh baik namun perlu dipertingkatkan lagi. • Kekurangan masa pelajaran Qiraat Amali. <p>“tahap penguasaan siswa JTQQ KUIS terhadap Qiraat Warsh ‘an Naafi’ secara keseluruhan adalah pada tahap tinggi walaupun terdapat sebahagian pada tahap sederhana.”</p> <p>“Peruntukan masa juga perlu dikaji semula dan ditambah baik dalam sistem pengajian qiraat lebih-lebih lagi subjek Qiraat Amali yang memfokuskan kaedah talaqqi dan musyafahah.”</p>
Sri Andayani et al., 2021	<ul style="list-style-type: none"> • Guru kurang melaksanakan amalan pengajaran yang bersesuaian. <p>“terdapat 157 orang guru kurang kerap, 79 guru tidak kerap dan 40 orang guru sangat tidak kerap menggunakan internet bagi silibus pelajaran Maharat al-Quran yang bersesuaian.”</p>

	<p>“Dengan kemahiran mengaplikasikan internet mampu memudahkan guru untuk dapat mengakses maklumat dengan lebih mudah dan tidak terbatas (Md. Yusoff et al., 2006).”</p>
Sharifah Noorhidayah et al., 2023	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang minat. • Masa terhad. • BBM kurang. • Tiada peperiksaan pelajar KKQ tingkatan 1 dan 2. • Pelajar sukar dalam mengingat istilah-istilah Qiraat. <p>“pencapaian yang diperoleh pelajar dalam subjek Qiraat menunjukkan pelajar tidak dapat menguasai subjek Qiraat atas beberapa faktor iaitu kurang minat terhadap subjek Qiraat, masa pembelajaran yang terhad dan kekurangan alat bantu mengajar.”</p> <p>“Faktor lain yang menjadi cabaran juga adalah peperiksaan hanya dijalankan kepada pelajar tingkatan tiga sahaja dan pelajar tingkatan satu dan dua tidak perlu mengambil peperiksaan.”</p> <p>“pelajar sering tertukar dan keliru untuk mengingat istilah-istilah tersebut dan bagaimana cara melafazkan sebutan untuk kaedah-kaedah tersebut.”</p>
Faizulamri et al., 2021	<ul style="list-style-type: none"> • Kekangan kemudahan di sekolah. <p>“Masih terdapat sekolah yang menyediakan kelas maharat al-Quran berkongsi dua halaqah. Keadaan ini menyebabkan ada segelintir guru yang kurang selesa.”</p>
Zainora et al., 2012	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang mengaplikasikan bahan bantu mengajar yang lebih moden. • Pelajar masih keliru terhadap manhaj ilmu Qiraat Sab’ah. <p>“kaedah pengajaran dan pembelajaran para pelajar semester enam, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS berada di tahap memuaskan kecuali pada penggunaan alat bantu mengajar dari segi kaset dan VCD.”</p> <p>“mungkin disebabkan mereka kurang mengulang-kaji dan kurang komited dengan pembelajaran dan pengajaran yang bersistematik dan terancang lebih-lebih lagi mereka hanya terikat dengan mencari ilmu semata-mata untuk mendapat segulung diploma.”</p>

Mujahideen et al., 2021	<ul style="list-style-type: none"> • Penguasaan pelajar Qiraat masih di tahap sederhana. <p>“penguasaan pelajar-pelajar berkenaan pengajian ilmu Qiraat berada pada peringkat sederhana.” “faktor peningkatan proses pengajaran dan pembelajaran secara teori dan amali sepatutnya ditingkatkan dan ditambahbaik supaya tahap penguasaan pengajaran ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar dapat dinaikkan ke peringkat yang lebih tinggi.”</p>
Rashidah et al., 2021	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar kurang yakin <p>“Responden masih lagi ragu-ragu untuk mengaplikasikan ilmu ini terutamanya dalam bacaan solat dan kurang berkeyakinan untuk menyampaikan ilmu ini. Ini menunjukkan tahap penguasaan responden terhadap ilmu ini masih lemah dan memerlukan usaha untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka.</p>

Perbincangan

Berdasarkan kepada dapatan sorotan literatur 21 artikel yang diketengahkan dalam kajian ini dapat dilihat bahawa isu pembelajaran ilmu Qiraat yang utama berkait dengan pengajaran dan pembelajaran seperti BBM yang kurang dan tradisional, masa pembelajaran Qiraat terhad, sumber rujukan kurang, guru kurang kefahaman, pengajaran yang kurang kreatif di mana isu-isu ini memerlukan penambahbaikan dari aspek pendekatan, kaedah, teknik serta strategi guru dalam mewujudkan pembelajaran yang berkesan.

Manakala isu kedua iaitu masalah pelajar seperti tidak minat, tidak yakin untuk membaca dan menyampaikan ilmu Qiraat, cabaran dalam memahami Qiraat secara atas talian, kurang mengamalkan ilmu Qiraat termasuk juga pelajar yang keliru dan lemah kerana kurang mengulangkaji mata pelajaran Qiraat boleh diatasi dengan pendekatan dan teknik yang sesuai. Guru turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan Qiraat. Guru bukan sahaja mendidik dan mengajar anak didiknya bahkan mereka sebagai tulang belakang pendidikan sangat besar tanggungjawabnya. Suresh et al. 2017 menyatakan guru yang cemerlang adalah guru yang bukan sahaja mengajar bahkan mereka bertanggungjawab mengembangkan ilmu ke dalam diri setiap pelajar dan memastikan ilmu yang diajar difahami dan berjaya menguasai pelajaran tersebut.

Isu akhir ialah masa pembelajaran terhad, kelas berkongsi dua kumpulan, masalah capaian internet di sesetengah kawasan dan perancangan kurikulum yang kurang teratur, sistematik, dan berstruktur. Perancangan kurikulum yang lemah boleh menyebabkan pelajar kurang bermotivasi, pemahaman yang tidak menyeluruh dan sukar untuk maju tahap yang lebih tinggi. Bahkan masalah ini turut terkesan kepada guru dan sistem pendidikan. Masalah ini berkait rapat dengan peranan dan tanggungjawab semua pihak, termasuk guru, ibu bapa, pihak sekolah dan pihak berwajib. Carta 1 di bawah adalah rumusan bagi dapatan yang dibuat.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya kajian ini mendapati isu-isu dalam pembelajaran Qiraat melibatkan pengajaran, minat pelajar dan kelemahan kurikulum. Kekurangan BBM, masa terhad, serta cabaran dalam memahami ilmu Qiraat perlu penambahbaikan. Guru berperanan penting dalam meningkatkan kesedaran pelajar. Selain itu, kelemahan kurikulum yang boleh menjejaskan motivasi dan kualiti pendidikan memerlukan kerjasama semua pihak untuk memperbaiki sistem pembelajaran Qiraat. Tuntasnya, kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran ilmu Qiraat masih menghadapi pelbagai cabaran. Oleh itu, kerjasama pelbagai pihak sangat diperlukan dalam memastikan keberkesanan pendidikan Qiraat pada masa hadapan.

Rujukan

- Abdul Hakim Mahadzir, Muhd Thoriq Asshiddiq Che Ahmad, Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Mat Rani Abdul Manaf. (2024). Mastery level of qiraat study at Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah International Islamic University (UniSHAMS). *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 14(1), 1896-1906.
- Ahmad Junaidi Mohamad Said. (2018). Faktor penguasaan qiraat al-sab'ie dalam kalangan pelajar kelas khas membaca dan menghafal al-Quran (KKQ) di negeri Perak. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Ahmad Junaidi Mohd Said & Mohd Abdul Nasir Abd Latif. (2016). Hubungan motivasi dengan tahap penguasaan qiraat al-sabie dalam kalangan pelajar Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di negeri Perak. *Online Journal Of Islamic Education*, 4(2), 36-45.
- Ahmad Mujahideen Yusoff, Muhammad Amiri Ab Ghani, Norhanis Amran & Ahmad Najib Abdullah. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengajian ilmu qiraat: satu kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat MAIK. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 449-458.
- Aini Haslina Abdul Hamid, Mohd Khairi Othman & Mohamad Khadafi Rofie. (2023). Kemahiran ilmu qiraat berdasarkan pengajaran abad ke-21 dalam kalangan guru kelas kemahiran al-Quran. *Jurnal Qiraat*, 6(2), 35-50.
- Azri Kifli, Jahidih Saili & Azmil Hashim. (2020). Pengaruh faktor minat, motivasi, persekitaran sekolah, kaedah pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran guru terhadap tahap literasi pelajar dalam bidang qiraat. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 6(2), 24-33.
- Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad, Abd Rahman Abd Ghani, Muhammad Hafiz Saleh & Nur Zainatul Nadra Zainol. (2022). Students' perceptions toward the usage of technology as medium for T&L of qiraat during covid-19: a case study on undergraduate students at Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12(8), 878-885.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Penerbit UTM Press.
- Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, Latifah Abdul Majid, Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah & Rabi'atul Athirah Muhamad Isa. (2021). Keperluan penilaian pelaksanaan mata pelajaran maharat al-quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab. *Jurnal al-Turath*, 6(1), 18-24.
- Mohd Hilmi Rozali, Kamarul Azmi Jasmi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusof. (2011). Pemahaman guru tentang konsep asas ilmu qiraat, Qiraat Imam Asim Dan Qiraat Imam Hamzah. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 3(2), 61-72.
- Mohd Izhar Daud & Rohana Zakaria. (2021). Tahap penguasaan ilmu qiraat di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, Pahang. *Jurnal Qiraat*, 4(2), 51-63.
- Mohd Rahim Jusoh. (2019) *Pengenalan Ilmu Qiraat*. Pustaka Khodim al-Mushaf.

- Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Fairuz A.Adi & Shaharuddin Pangilun. (2022). Minat dan kefahaman ilmu taujih al-qiraat dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran KUIS. Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS.
- Muhammad Zaid Shamshul Kamar, Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2020). Sejarah pembelajaran ilmu qiraat di Darul Quran: Satu pemerhatian. *Jurnal Qiraat*, 1(3), 26-38.
- Muhammad Zaid Shamshul Kamar, Mohd Ikram Mohd Nawawi, Muhammad Izzat Ngah, Mujahid Ahmad Lutfi & Nur Adam Azami Abdullah. (2022). Tahap penguasaan manhaj qiraat Imam Warsh: Satu kajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Jurnal Qiraat*, 5(1), 45-54.
- Nur Rashidah Ashaary & Wan Arida Azreyanti Wan Azmi. (2021). Persepsi peserta Kuliyyah al-Furqan Kolej al-Quran Terengganu terhadap ilmu qiraat. *International Journal Of al-Quran And Knowledge*, 1(2), 102-110.
- Rosly Kayar & Kamisah Buang. (2023). *Kajian tindakan untuk guru*. Global Mediastreet Sdn Bhd.
- Rosnani Hashim, Muhammad Zahiri Awang Mat Adnan, Adnan Abd Rashid, Ainol Madziah Zubairi & Mohd Farid Mohd Shahrani. (2022). Pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam sekolah menengah bagi menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21 dari perspektif guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47 (1), 65-79.
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Norhasanah Mohd Yusoff & Nur Wadihah Asri. (2023). Cabaran pelaksanaan kelas qiraat dalam kelas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ) di Kelantan. *Jurnal Qiraat*, 6(1), 1-7.
- Sri Andayani Mahdi Yusuf, Mohd. Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. (2021). Amalan guru dalam pengajaran subjek maharat al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz. *Jurnal Of Quran Sunnah Education And Special Needs*, 5, 39-50.
- Suresh Kumar N vellymalay & Sivarajan Ponniah. (2017). *Guru berkesan pemangkin kecemerlangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainora Daud & Muhammad Lukman Ibrahim. (2019). Kajian persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran USIM. *Journal Of Quran Sunnah Education And Special Needs*, 3, 46-53.
- Zainora Daud, Hayati Hussin, Khairul Anuar Mohamad & Mohd Shamsul Hakim Abd Samad. (2019). Pengajian qiraat di fakulti pengajian Quran dan Sunnah, USIM: Analisis terhadap tahap kefahaman qiraat. *Journal of Fatwa Management and Research*, 288-299.
- Zainora Daud, Muhammad Fairuz A .Adi & Mustaffa Abdullah. (2012) Kaedah pengajaran dan pembelajaran pengajian qiraat di Jabatan al-Quran dan al-Qiraat, KUIS: Satu tinjauan awal. International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education 2012 (ICRIALE), 474-485.
- Zainora Daud, Nur Zafirah Najihah Samsudin, Phayilah Yama & Noor Hafizah Mohd Haridi. (2019). Persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran qiraat. Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT) FPQS, Oktober 2019. Universiti Sains Islam Malaysia.